

Ringgit ditutup lebih rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) semalam berikutan ketidaktentuan harga minyak yang berterusan, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, ringgit disebut harga pada 4.1360/1410 berbanding mata wang Amerika itu daripada 4.1220/1270 kelmarin.

Peniaga berkata, ringgit merosot seiring dengan mata wang sedang muncul di Asia yang terus menerima tekanan menjelang rundingan negara-negara pengeluar minyak di Algeria.

“Harapan untuk tercapainya perjanjian membendung pengeluaran minyak, pudar. Iran yang memperkecilkan harapan mengenai perjanjian itu, telah menolak tawaran untuk mengehendkan pengeluarannya.

“Ini mengurangkan kemungkinan untuk perjanjian pengeluaran dicapai,” katanya.

Sementara itu, peniaga lain berkata, dolar AS meningkat dengan fokus beralih kepada testimoni Pengerusi Rizab Persekutuan AS, Janet Yellen lewat semalam.

“Kemungkinan kenaikan pada Disember telah berkurang tetapi Yellen mungkin akan menjawab beberapa soalan mengenai pandangan Rizab Persekutuan terhadap kadar faedah dan ekonomi,” katanya.

Ringgit juga diniagakan lebih rendah berbanding mata wang utama lain. **BERNAMA**